



Lelaki halang ambulans kena saman

Johor Bahru: Seorang lelaki yang tidak memberikan laluan kepada sebuah ambulans di Kilometer 14 Lebuhraya Pasir Gudang, dekat sini, pagi kelmarin, telah dikenakan tindakan saman.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata pihaknya telah mengesan satu rakaman video berdurasi 47 saat pada jam 3.30 petang kelmarin menerusi media sosial yang memaparkan pemandu van jenis Toyota Hiace berusia 38 tahun menghalang laluan ambulans.

"Van berwarna putih itu dilihat tidak mengendahkan untuk memberikan laluan walaupun siren telah dibunyikan serta lampu mata arah telah dinyalakan, hingga ambulans itu terpaksa memotong di lorong kiri.



PEMANDU van yang dikesan dalam satu video tular kerana tidak memberi laluan kepada ambulans dalam kejadian di Kilometer 14 Lebuhraya Pasir Gudang.

"Susulan itu, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seri Alam telah mengesan pemandu berkenaan dan telah mengenakan tindakan saman RM300 kerana melakukan kesalahan mengikut Peraturan 9(2) Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 166/59 kerana tidak memberikan laluan kepada kenderaan polis/ambulans/bomba/penjara/kastam/Jabatan Pengangkutan Jalan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata lelaki itu turut disiasat mengikut Seksyen 56(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana tidak memiliki lesen memandu vokasional (GDL) manakala semakan juga mendapati dia mempunyai tujuh saman kesalahan trafik namun tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah.